

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]**

**PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN menyatakan:-**

- (a) jumlah tangkapan stesen minyak yang tiada stok minyak semasa harga minyak turun pada bulan Januari 2015 dan Februari 2015 di Sarawak dan Malaysia dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil ke atas pengusaha stesen minyak tersebut serta adakah harga jualan minyak kepada 'commercial use' tidak sama dengan harga jualan kepada pengguna biasa; dan
- (b) sama ada petrol dan diesel akan dikenakan GST memandangkan tiada subsidi minyak lagi.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Dari Januari hingga Februari 2015, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah mengambil 33 kes berhubung kesalahan *stock-out* bekalan semasa penurunan harga petrol dan diesel. Daripada jumlah tersebut 1 kes berlaku di Sarawak dan 32 kes di lain-lain negeri.

Kertas siasatan telah dibuka ke atas stesen-stesen minyak terlibat untuk siasatan lanjut dan tindakan undang-undang akan dikenakan ke atas pengusaha stesen minyak sekiranya terdapat bukti-bukti kukuh bahawa *stock-out* bekalan adalah disebabkan kecuaiian pengusaha stesen minyak.

Harga jualan petrol dan diesel kepada pengguna adalah berbeza dengan harga yang dikenakan kepada *commercial use* di mana harga yang dikenakan kepada pengguna biasa masih dikawal oleh Kerajaan melalui kaedah 'pengapungan terkawal'. Harga *commercial use* pula ditentukan oleh pasaran terbuka melalui kaedah 'kontrak jangka panjang' dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti kuantiti jualan, tempoh perjanjian, kaedah penghantaran dan jarak penghantaran.

Kerajaan tidak mengenakan cukai barang dan perkhidmatan (GST) ke atas petrol dan diesel yang dijual kepada pengguna.